



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KENYATAAN MEDIA

**YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

### **INSENTIF KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MELALUI INSTRUMEN *ECOLOGICAL FISCAL TRANSFER FOR BIODIVERSITY CONSERVATION* (EFT) BAGI MENJAMIN KELESTARIAN BIODIVERSITI**

**18 DISEMBER 2020**

---

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) ingin merujuk kepada laporan Utusan Malaysia mengenai 'Negeri yang 'berkorban' jaga hutan, kawasan tadahan air perlu diberi pampasan' pada 17 Disember 2020.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sentiasa mengukuhkan sinergi dengan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penjagaan dan pemuliharaan hutan. Walaupun tiada sebarang peruntukan khas disediakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai pampasan, Kerajaan Persekutuan secara puratanya telah memperuntukkan secara konsisten bajet pembangunan berjumlah RM1.54 bilion bagi memulihara hutan sejak tahun 2010.

Kerajaan Persekutuan juga telah memperkenalkan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) buat kali pertama pada tahun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeriewartakan kawasan perlindungan (*protected areas*) yang merupakan kawasan penting bagi perkhidmatan ekosistem (*ecosystem services*) termasuk sebagai kawasan tadahan air dan perlindungan hidupan liar. Peruntukan ini telah diagihkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP).

Inisiatif EFT diteruskan pada tahun 2021 dengan peruntukan sebanyak RM70 juta sebagai insentif tambahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan program dan projek bagi menjamin kelestarian biodiversiti.

Kerajaan-kerajaan Negeri digalakkan untuk memberi penekanan kepada pengiktirafan hutan sebagai modal semula jadi (*natural capital*) dan hutan bukan kayu-kayan semata-mata (*forest beyond timber*). Kerajaan-kerajaan Negeri perlu memperkukuhkan *unique selling proposition* (USP) untuk Taman Negeri atau Hutan Lipur di bawah Jabatan Perhutanan Negeri masing-masing bagi memasarkan produk ekopelancongan bernilai tinggi secara lebih berkesan.

Di samping itu, KeTSA akan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk meneroka pelbagai instrumen baharu kewangan bagi mendapatkan dana konservasi termasuk melalui mekanisme *Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries* (REDD Plus). Dalam hal ini, sektor swasta digalakkan untuk memainkan peranan yang lebih signifikan dalam menyediakan dana bagi pemuliharaan hutan.

Bermula Januari 2021, KeTSA akan melaksanakan Program Penghijauan Malaysia (*Greening Malaysia*) melalui 'Kempen Penanaman 100 juta Pokok' di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menambah litupan kawasan berhutan, memulihara biodiversiti serta meningkatkan kesedaran segenap lapisan masyarakat.

Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan menunjukkan komitmen negara dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% keluasan tanah negara dilitupi oleh kawasan berhutan, selaras dengan komitmen di peringkat antarabangsa. KeTSA mengharapkan sokongan padu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menjayakan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan.

**YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Hj Nasarah**  
**Menteri Tenaga dan Sumber Asli**

**18 Disember 2020**